



Ruj : JANM.500-6/1/6(9)

Tarikh : 24 Mac 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/
Ts. Dr./ Dr./ Tuan/ Puan,

**PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN JABATAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) akan diadakan seperti ketetapan yang berikut:

Tarikh : 9 Julai 2025 (Rabu)
Masa : 9.30 Pagi – 11.00 Pagi
Pusat : Seluruh Malaysia mengikut ketetapan JANM Negeri/
Peperiksaan Cawangan

3. Maklumat peperiksaan adalah seperti yang berikut:

a. Pegawai Yang Layak Memohon

- i. Pembantu Akauntan (PA);
- ii. Pembantu Tadbir (Kewangan) PT(Kew);
- iii. Anggota dalam skim berikut yang menjalankan tugas kewangan dan menerima BITK RM40.00 sebulan
 - Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi [PT(P/O)])

- Skim Perkhidmatan lain yang setaraf dan yang lebih rendah dari PA, PT(Kew) dan PT(P/O); dan
 - iv. Anggota dalam Perkhidmatan Negeri dan Badan-Badan Berkanun yang ingin menduduki peperiksaan hendaklah mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa masing-masing terlebih dahulu.
- b. Cara memohon
- i. Permohonan bagi menduduki peperiksaan BITK hendaklah dibuat secara atas talian dengan melayari portal iSPK-AG di <https://ispk.anm.gov.my>. Panduan Pengguna bagi permohonan ini boleh dirujuk melalui pautan portal tersebut;
 - ii. Semua calon hendaklah memastikan maklumat yang dikemukakan adalah benar. **Sekiranya maklumat yang diberikan didapati tidak benar, keputusan peperiksaan berkenaan akan terbatal;**
 - iii. Sebarang aduan berkaitan permohonan hendaklah dikemukakan melalui pautan Aduan Permohonan BITK bagi tindakan Urus Setia Peperiksaan; dan
 - iv. Permohonan yang dibuat selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.
- c. Sukatan Peperiksaan
- Sukatan peperiksaan adalah seperti di **Lampiran A**.
- d. Tarikh buka dan tutup permohonan
- Tarikh buka permohonan adalah pada **7 April 2025 (Isnin)** dan akan ditutup pada **7 Mei 2025 (Rabu)** pada pukul 5.00 petang.
- e. Slip Arahan Calon yang mengandungi maklumat pusat, tarikh dan masa peperiksaan boleh dicetak melalui laman sesawang JANM **dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan**. Slip ini hendaklah dibawa bersama-sama semasa menghadiri peperiksaan berkenaan.

4. Pegawai yang telah membuat permohonan untuk menduduki peperiksaan tetapi **tidak hadir tanpa mengemukakan alasan bertulis yang munasabah, akan digantung satu (1) sesi peperiksaan.**


5. Sehubungan itu, mohon kerjasama YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ Ts. Dr./ Dr./ Tuan/ Puan memaklumkan perkara ini kepada semua anggota perkhidmatan yang layak mendudukinya termasuk anggota yang berkhidmat di agensi dan badan berkanun seliaan kementerian atau jabatan YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ Ts. Dr./ Dr./ Tuan/ Puan.

6. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Urus Setia Peperiksaan JANM melalui talian 03-88821183/ 1197/ 1185 atau e-mel di alamat urus_pep@anm.gov.my

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINANI BINTI JUSOH C.A.(M))

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

b.p Akauntan Negara Malaysia

- s.k:
- i. Semua Pengarah Bahagian JANM
 - ii. Semua Pengarah Negeri/Cawangan JANM
 - iii. Fail Timbul

**SUKATAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

1. **Punca Kuasa** : Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 2019
2. **Matlamat sukatan** : Untuk menentukan bahawa undang-undang dan peraturan mengenai kewangan dan perakaunan kerajaan difahami dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian. Pengetahuan ini penting bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengurusan kewangan kerajaan.
3. **Tujuan peperiksaan** : Untuk membolehkan Pembantu Akauntan, Pembantu Tadbir Kewangan dan skim perkhidmatan lain yang setaraf atau lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan dan tiada kelayakan akademik layak dibayar BITK RM80.00 sebulan.
4. **Pegawai yang layak menduduki peperiksaan** : Pembantu Akauntan, Pembantu Tadbir Kewangan dan skim perkhidmatan lain yang setaraf atau lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 dan tidak memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan.
5. **Sukatan peperiksaan** : Soalan-soalan yang akan ditanya kepada calon-calon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
 - i. Pengurusan dan Kawalan Belanjawan
 - ii. Perakaunan Amanah, Deposit dan Panjar
 - iii. Perakaunan Terimaan
 - iv. Pengurusan Perolehan Kerajaan
 - v. Pengurusan Bayaran Emolumen
 - vi. Perakaunan Pembayaran
 - vii. Pengurusan Akaun
 - viii. Pengurusan Aset
 - ix. Pengurusan Stor

Sukatan Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan

- 6. Bahan rujukan** :
- i. Arahan Perbendaharaan
 - ii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Terkini (yang berkaitan dengan kewangan)
 - iii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan dengan gaji dan elaun
 - iv. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia terkini
 - v. Perintah Am Bab B (elaun-elaun) dan Bab G (waktu bekerja dan elaun lebih masa)
 - vi. Ruangan/ tab sumber rujukan di “Portal Perakaunan Akruan” (Portal tersebut boleh dilayari melalui www2.anm.gov.my).
- 7. Format peperiksaan** :
- Bentuk soalan : Objektif (Aneka pilihan – merangkumi teori dan kajian kes)
- Jumlah Soalan : 40 (jawab semua soalan)
- Masa : 1 jam 30 minit
- Markah : 40
- Calon-calon tidak dibenarkan merujuk kepada apa-apa bahan rujukan semasa peperiksaan.
- 8. Keputusan** : LULUS / GAGAL
- 9. Pengecualian** : Pembantu Akauntan, Pembantu Tadbir Kewangan dan skim perkhidmatan lain yang setaraf atau lebih rendah yang telah memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan dikecualikan daripada mengambil peperiksaan.
- 10. Bahasa** : Bahasa Malaysia
(Soalan& Jawapan)

- 11. Permohonan dikemukakan kepada** (secara dalam talian) :
Urus Setia Peperiksaan JANM
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya

Tel: 03- 8882 1183/ 1197/ 1185
Emel: urus_pep@anm.gov.my

Bagi permohonan daripada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf atau lebih rendah, Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan anggota berkenaan sedang menerima BITK RM40.00 sebulan semasa mengisi permohonan.
- 12. Kekerapan peperiksaan** : Sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.
- 13. Tarikh akhir mengemukakan permohonan** : Tertakluk kepada takwim peperiksaan yang dikeluarkan dan ditetapkan oleh Urus Setia Peperiksaan JANM.